

26/07/1997

3 negara semakin yakin EAEC

PETALING JAYA, Jumaat - China, Jepun dan Korea Selatan semakin yakin dengan pendekatan Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) sebagai forum dialog dan sedia menyertai program Asean ke arah menginstitusikannya, kata Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, hari ini.

EAEC diilhamkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada awal abad ini sebelum Asean menjadikannya sebagai satu usaha negara serantau untuk merealisasikan.

"Proses memulakan forum EAEC secara formal semakin hampir," kata Abdullah pada sidang akhbar selepas merasmikan penutupan Mesyuarat Menteri Luar Asean (AMM) ke-30.

Sebelum ini, China, Jepun dan Korea Selatan ditakrifkan sebagai bakal anggota tetapi Asean menganggap ketiga-tiga negara itu sebagai bakal anggota, katanya.

Asean sudah berunding empat kali dengan ketiga-tiga negara itu.

Rundingan kali kelima malam esok bakal mengukir sejarah baru dengan penyertaan Laos dan Myanmar yang disahkan sebagai anggota baru Asean semalam.

"Sebelum ini, mereka tidak pasti dengan apa yang dapat dilakukan oleh EAEC dan bagaimana dapat berinteraksi bagi menjayakan forum itu," kata Abdullah.

(END)